

CATS? menggegarkan UPM selepas enam tahun



SERDANG, 10 April – Pementasan muzikal CATS? oleh pelajar kursus Play Production and Performance Techniques (BBL4401), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), berjaya mencuri tumpuan apabila dipentaskan di Panggung Percubaan UPM, baru-baru ini.

Projek akhir kursus ini merupakan adaptasi daripada muzikal Broadway terkenal CATS (1981), yang dijayakan oleh pelakon sukarela dari FBMK, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM), Fakulti kejuruteraan (FK), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) dan Fakulti Sains (FS).

Pementasan ini menonjolkan bukan sahaja kreativiti dan bakat para pelajar malah komitmen UPM dalam memperkasakan seni persembahan di peringkat institusi.

Menurut penasihat dan pensyarah kursus BBL4401, Prof. Madya Dr. Arbaayah Ali Termizi, pementasan kali ini merupakan satu kejayaan yang membanggakan selepas penglibatan akhir beliau dalam projek serupa pada tahun 2018, sejurus sebelum pandemik COVID-19.

“Saya amat menghargai dedikasi pelajar yang bukan sahaja bekerja keras dalam pementasan, tetapi juga berusaha membiayai produksi ini melalui aktiviti carian dana di kampus,” katanya.



Pengarah Produksi,

Halisa Nuraini Haniff, turut menyatakan rasa bangga terhadap semangat dan kerjasama yang ditunjukkan oleh pasukan produksi yang telah menjalani latihan intensif sejak September tahun lalu.

“Nina Najwa yang bertanggungjawab sebagai koreografer tidak mempunyai asas dalam tarian atau nyanyian, namun berjaya menguasai kemahiran tersebut dengan cemerlang sepanjang latihan, membuktikan kesungguhan dan bakat luar biasa,” katanya.



Penolong Pengarah, Siti Sarah Yasmin berkata menyifatkan penglibatan alumni UPM, Taylor Kit, sebagai nilai tambah yang memberi impak besar kepada keseluruhan produksi.

“Beliau berkongsi teknik kawalan vokal berdasarkan pengalamannya dalam produksi muzikal profesional. Saya bangga melihat kesungguhan semua bermula dari latihan berbulan-bulan hingga mencari tajaan yang akhirnya membuahkan satu persembahan yang membanggakan,” katanya.

Dalam pada itu, pementasan ini turut menerima sokongan daripada Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM serta tajaan daripada Hedley Cafe dan Biscochiz.